

Penyelidik UniMAP Cemerlang di British Invention Show 2010 (BIS 2010)



Penyertaan UniMAP ke pameran rekacipta dan inovasi antarabangsa 'British Invention Shows' telah dimulakan sejak tahun 2008 yang lalu dimana pada tahun ini, UniMAP sekali lagi menghantar tiga produk penyelidikan untuk dipertandingkan di pameran berprestij tersebut. Pada 13 - 16 Oktober 2010, bertempat di Alexandra Palace, Wood Green London, UniMAP telah mempertaruhkan satu produk yang dihasilkan oleh Prof. Dr. Uda Hashim dan dua produk lagi oleh En. Mohd. Hafiz Fazalul Rahiman.

Pemilihan produk-produk tersebut adalah berdasarkan kejayaan yang dicapai di pertandingan peringkat kebangsaan yang disertai pada awal tahun ini.

Atas pengalaman penyelidik yang luas serta ketinggian kualiti produk yang dipertandingkan, hasilnya UniMAP sekali lagi berjaya menempa kejayaan cemerlang membawa pulang tiga pingat emas dari pameran tersebut. Malah lebih cemerlang lagi apabila produk oleh Prof. Dr. Uda Hashim telah berjaya menggondol anugerah 'Platinum' manakala satu dari produk yang dihasilkan oleh En. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman telah berjaya meraih anugerah 'Double Gold'.

Secara keseluruhannya, penyertaan kali ini bolehlah dianggap satu lagi rentetan kejayaan manis di peringkat antarabangsa yang dicapai oleh para penyelidik UniMAP. Ini secara langsung dapat menaikkan lagi nama UniMAP di persada antarabangsa.

Ketua Projek	Tajuk Produk	Anugerah
Prof Dr Uda Hashim	Edge Transfer Lithography for Nano-electronic Application	Anugerah Khas Platinum dan Emas Pameran
Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	U100 Flow Imager	Anugerah khas Double Gold dan Emas Pameran
Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	ENT426 CT Virtual Lab	Emas Pameran